

Headline **Nikmat berpuasa jauh lebih bermakna**
Date **30 Aug 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1,557**

Language
Page No
Article Size

Malay
N14
283 cm²

Color
PRValue

Full Color
4,670



Nikmat berpuasa jauh lebih bermakna

Headline **Nikmat berpuasa jauh lebih bermakna**
Date **30 Aug 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1,557**

Language **Malay**
Page No **N14**
Article Size **283 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **4,670**



LEONG Kim Siang, 44, atau nama Islamnya, **Mohd Ali Abdullah** sudah hampir dua tahun bergelar saudara baru. Namun, tidak banyak pengalaman berpuasa di dan sambutan Aidilfitri yang indah mampu dikenangnya. Lebih-lebih lagi kehidupannya sebelum ini agak tidak terurus.

Mungkin tahun ini, **Mohd Ali** berpeluang merasai suasana kemeriahan itu bersama saudara

Islam lain di rumah jagaan Darul Ukhwah Yayasan Al-Ijabah yang lebih tenang dan memberi ruang untuk penghuninya mendalami Islam dengan lebih sempurna lagi.

"Ramadan tahun ini cukup bermakna, ini kali pertama dapat melalui dalam keadaan yang sempurna. Saya juga dapat mendalami Islam dengan lebih baik lagi," katanya.

Mohd Ali yang ditemui ketika diraikan dalam majlis berbuka puasa di restoran Kelantan Delights berkata, dia

kini gembira kerana merasai nikmat sebenar Ramadan meskipun tidak mampu menyempurnakan tuntutan itu sepenuhnya kerana faktor kesihatan.

"Saya terikat dengan jadual memakan ubat setiap hari dan keadaan itu tidak membolehkan saya untuk berpuasa," katanya.

Menurut **Mohd Ali**, daripada 13 penghuni di rumah jagaan itu,

lima daripada mereka tidak mampu berpuasa kerana terikat dengan jadual ubat yang perlu diikuti.

"Saya baru sebulan di rumah ini setelah keluar dari gereja dan saya paling gembira apabila dapat mendalami Islam dengan lebih baik yang disampaikan oleh ustaz-ustaz yang datang ke sini," katanya yang pernah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak.

Menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti, **Mohd Ali** akan menyambutnya di rumah jagaan berkenaan walaupun sebahagian rakan-rakannya pulang berhari raya di rumah keluarga masing-masing.

"Saya masuk Islam pada 20 November 2007, kehidupan saya sebelum ini tidak terurus. Saya tidur di kaki-kaki lima, sering berlapar dan tidak mandi. Kadang-kadang saya ditempatkan di hospital.

"Kemudian saya mendapat jagaan di sebuah gereja. Masa itu

mereka tidak tahu saya seorang Islam kerana kad pengenalan masih tidak bertukar. Namun setelah mengetahui ada orang Islam mahu menjaga kami, saya tawarkan diri untuk mengikut mereka," katanya.

Seorang lagi pesakit HIV/Aids yang pernah berlindung di gereja adalah **Yazid Ismail, 49**, (bukan nama sebenarnya) melahirkan rasa syukur apabila Ramadan tahun ini dirasakan begitu meriah.

"Kami dapat mengikuti pelbagai program luar dan gembira kerana masih ada lagi masyarakat yang mahu meraikan majlis berbuka puasa dan menyediakan aktiviti luar untuk golongan seperti kami.

"Memang cukup gembira berbanding dulu. Tiada majlis atau jemputan seperti ini dibuat ketika Ramadan," kata **Yazid** yang juga juga penghuni paling lama menghuni di gereja terbabit.

Katanya, dia tekad untuk berpindah setelah tertarik dengan pengendalian dan pengurusan rumah kebajikan tersebut.

"Saya bersyukur kerana wujudnya rumah sebegini di mana ia diuruskan oleh orang Islam. Saya rasa selesa di sini, lebih baik berbanding dulu dan juga dilayan dan dijaga dengan bagus di sini," katanya.

Sebelum ini, **Yazid** yang ditemu bual ketika berada di gereja memberitahu dirinya berada di sana disebabkan tiada orang yang mahu mengambil dan menjaganya. Dan di sepanjang berada di gereja itu, **Yazid** nyata berpuas hati dengan layanan dan penjagaan yang diberikan. Namun jauh di sudut hati untuk berhijrah ke tempat baru yang diuruskan oleh kumpulan bangsa dan agamanya sendiri. Apabila mendapat peluang itu, **Yazid** dengan rela hati berpindah ke pusat jagaan itu.